

KAJIAN TENTANG PERSEPSI GURU TERHADAP PERKEMBANGAN PROFESIONALISME DALAM AMALAN PENGAJARAN

Seriyuna binti Sa'don Zubir¹
Norillah binti Abdullah Hassim²

Abstrak

Kajian ini dijalankan dengan bertujuan untuk mengkaji persepsi guru-guru yang berpengalaman terhadap perkembangan profesionalisme mereka di dalam amalan pengajaran dan bagaimana mereka mendapati bahawa diri mereka telah mencapai kriteria profesional. Kajian ini merupakan kajian Kualitatif. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur. Seramai tiga orang guru telah dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Dapatan kajian menyatakan sebahagian pelaksanaan tidak efektif dan menepati keperluan guru, kekangan kewangan menjadi isu dalam perkembangan profesionalisme dan penggunaan teknologi terkini dan aplikasinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi keperluan masa kini.

Kata kunci: Persepsi, Perkembangan Professional, Amalan Pengajaran

PENGENALAN

Guru adalah pendidik profesional. Predikat profesional mempersyaratkan adanya keahlian, paling tidak pun pengetahuan, dan keterampilan yang dilandasi oleh nilai-nilai yang dijunjung tinggi Ketut Rindjin (2007). Jasa dan pengorbanan guru tidak terhitung banyaknya kerana mencurahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar. Guru juga memainkan peranan dalam perkembangan bakat, minat dan kebolehan pelajar. Malah lebih dari itu guru turut menyumbang dalam pembinaan daya pemikiran yang kritis dan kreatif pelajar. Semua ini dilakukan agar para pelajar mampu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

PERKEMBANGAN PROFESIONALISME

Perkembangan profesionalisme guru ialah suatu proses yang panjang dan berterusan. Profesionalisme merujuk kepada sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilakukan oleh seorang profesional. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Seiring dengan perubahan yang sering berlaku dalam sistem pendidikan negara kita, guru seharusnya mengikuti perkembangan kemajuan dalam pendidikan. Sparks (2012) dalam Faizal dan Khalil Adam (2015) memberikan definisi mengenai sikap prihatin guru terhadap kemajuan pendidikan adalah mereka seharusnya meningkatkan profesionalisme diri. Meningkatkan profesionalisme guru bererti suatu proses menambah baik kemahiran dan

¹ Penulis merupakan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

² Penulis merupakan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

kompetensi diri berdasarkan perubahan persekitaran bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan (Hassel, 2013) dalam Faizal dan Khalil Adam (2015). Definisi yang diberikan oleh Faizal dan Khalil Adam (2015) pula ialah proses penambahbaikan secara individu atau berkumpulan yang membuatkan guru refleksi, memperbaharui dan meningkatkan komitmen sebagai agen perubahan dalam pendidikan. Usaha tersebut diwujudkan dengan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi membentuk pemikiran, perancangan dan amalan yang berkesan. Kesimpulannya, perkembangan profesionalisme guru adalah satu proses yang meningkatkan kapasiti dan kualiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran dan secara langsung dapat meningkatkan pencapaian pelajar.

KEPENTINGAN PERKEMBANGAN PROFESIONALISME GURU

Di antara kepentingan perkembangan profesional di sekolah sebagaimana yang disarankan oleh Anna Cratt (1996) dalam Hasnida dan Effendy (2010) ialah ia dapat membaiki kemahiran prestasi kerja guru, membaiki keterampilan, menambah pengalaman untuk perkembangan kerjaya atau untuk naik pangkat, membina pengetahuan profesional dan pemahaman seorang guru, meningkatkan peribadinya, menghargai sumbangan guru, memberi kepuasan dari segi ikhtisas, seterusnya membolehkan guru menjangka dan bersedia untuk berubah. Kelak kita akan dapat membina kemahiran, pengetahuan dan strategi pengajaran-pembelajaran, keterampilan serta kemampuan untuk berurusan dengan masyarakat sekolah dengan lebih baik hasil dari membangunkan profesional guru menurut Hasnida dan Effendy (2010).

Manakala Sanusi et.al (1991) menggariskan enam sebab perlunya profesionalisme dalam pendidikan seperti berikut:

1. Subjek pendidikan adalah manusia yang memiliki kemahuan, pengetahuan, emosi, dan perasaan, yang mana boleh dikembangkan potensinya, sementara itu pendidikan dilandasi nilai-nilai kemanusiaan yang menghargai kedudukan manusia
2. Pendidikan dilakukan secara bertujuan, maka pendidikan dilandasi oleh norma-norma dan nilai-nilai yang baik secara menyeluruh yang mana ia merupakan acuan para guru, pelajar, dan pengelola pendidikan.
3. Teori-teori pendidikan merupakan kerangka hipotesis dalam menjawab permasalahan pendidikan.
4. Pendidikan itu bertitik tolak dari manusia itu sendiri, iaitu manusia mempunyai potensi yang baik untuk berkembang. Oleh sebab itu, pendidikan adalah instrumen untuk mengembangkan potensi unggul tersebut.
5. Hasil pendidikan terjadi dalam prosesnya, iaitu situasi di mana terjadi nya dialog antara pelajar dengan guru, yang membolehkan pelajar berkembang ke arah yang dikehendaki oleh guru dan selaras dengan nilai-nilai yang dijunjung tinggi masyarakat.
6. Sering terjadinya dilema antara tujuan utama pendidikan, iaitu menjadikan manusia sebagai manusia yang baik, dengan misi instrumental iaitu merupakan alat untuk perubahan atau mencapai sesuatu.


METODOLOGI KAJIAN

Metodologi dan strategi yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini, antaranya ialah:

1. Reka bentuk kajian
2. Populasi dan pensampelan
3. Instrumen kajian
4. Prosedur pengumpulan data
5. Teknik analisis data

Metodologi kajian dan strategi yang disusun untuk mendapatkan maklumat dan data untuk mencapai objektif dan matlamat kajian seperti yang dijelaskan dalam rajah 1 berikut :

CARTA ALIR PROSES KAJIAN



Rajah 1 Carta alir proses kajian

REKA BENTUK KAJIAN

Kaedah kualitatif berbentuk kajian kes telah digunakan untuk mengutip data dalam kajian ini. Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin(1995) dalam Sharif dan Roslee (2005) penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Sesuatu kajian kes harus memfokuskan kepada subjek yang mempunyai sesuatu kriteria atau ciri yang ingin dikaji. Justeru kajian ini dilaksanakan untuk menerokai persepsi guru mengenai perkembangan profesionalisme guru dalam amalan pengajaran.

Dalam kajian ini penulis telah memilih dua orang pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan seorang guru sekolah rendah di Kuantan berdasarkan teknik pensampelan tidak kebarangkalian (*non-probability sampling*). Oleh kerana kajian melibatkan persepsi guru terhadap perkembangan profesionalisme, maka kaedah pensampelan bertujuan (*purposive*) telah dipilih memandangkan bilangan sampel yang kecil serta responden memiliki kriteria dan maklumat yang dikehendaki oleh penulis.

Antara kriteria yang ditetapkan oleh penulis ialah sampel tersebut memiliki pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun dan berlatar belakangkan bidang pengajian Islam dan Bahasa Arab. Kaedah pensampelan bertujuan dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji. (Burn, 1995) dalam Sharif dan Roslee (2005) memilih kes bagi menggambarkan proses (Silverman, 2000) dalam Sharif dan Roslee (2005) dan memilih sampel supaya dapat memberikan maklumat dalam kajian ini (Merriem, 1998) dalam Sharif dan Roslee (2005). Institusi Pengajian tersebut ialah:

1. Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan
2. Sekolah Kebangsaan Penor, Kuantan

INSTRUMEN KAJIAN

Pengumpulan data dalam kajian dapat diambil dari pelbagai sumber informasi. Kajian kes melibatkan pengumpulan data yang “kaya” untuk membangun gambaran yang mendalam dari suatu kes. Fadlun, Ardi, Julian, Erna(2016). Yin(1989) dalam Yani Kusmarni(2014) menyatakan bahawa terdapat enam bentuk pengumpulan data dalam kajian kes iaitu:

1. Dokumentasi yang terdiri daripada surat, memorandum, agenda, laporan-laporan suatu peristiwa, proposal, hasil penelitian, hasil evaluasi dan artikel.
2. Rakaman yang terdiri daripada video, peta, data survey, daftar nama, rakaman-rakaman peribadi seperti buku harian, diari, kalender dan sebagainya.
3. Temu bual.
4. Pemerhatian langsung.
5. Peserta pemerhatian.
6. Peralatan teknologi, alat atau instrumen, pekerjaan seni dan lain-lain.

Terdapat dua instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat dalam kajian ini. Salah satu daripadanya mempunyai kaitan dengan kajian kualitatif iaitu instrumen temu bual. Kaedah temu bual yang dijalankan ke atas tiga orang guru ini akan di analisa untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap perkembangan profesionalisme dalam amalan pengajaran. Fontana dan Frey (1994) Merriem (1998) dalam Sharif dan Roslee (2005) menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini penulis menggunakan separa berstruktur kerana bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya. Selain itu penulis juga mengumpul data daripada dokumen yang didapati dari responden seperti sijil-sijil, memorandum dan nota-nota latihan, bengkel, kursus atau seminar.

Guru-guru yang terpilih sebagai sampel kajian ini terdiri daripada ketua penulis, rakan sejawatan dan kenalan. Maka rappo yang telah sedia terbentuk memudahkan responden tersebut menyatakan perasaan mereka sewaktu sesi temu bual. Dalam kajian kualitatif, rapor antara penyelidik dan responden adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan pembinaan kepercayaan (Glesne, 1999) dalam (Sharif dan Roslee, 2005). Rapor memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang secukupnya untuk penyelidikannya (Glesne, 1979) dalam (Sharif dan Roslee, 2005) di mana rapor yang terbina membolehkan responden memberikan pelbagai maklumat personel atau beraksi dalam keadaan yang biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran penyelidik.

ANALISIS DATA

Di dalam kajian kualitatif ini, penulis menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian dokumen sebagai instrumen untuk mengutip data. Terdapat beberapa teknik yang digunakan untuk menganalisis data temu bual. Data temu bual yang diperoleh ditranskripsikan kemudian ditaip. Transkripsi dibaca dan tema-tema dikenal pasti kemudian dikodkan. Manakala dokumen digunakan untuk menyokong dapatan yang sedia ada. Penulis mentafsir persepsi responden secara rasional menurut perspektif *emik* dan *etik* dengan merujuk kepada kajian sorotan lepas. Data turut ditriangulasi kan untuk memastikan ketepatan fakta dan kesahan nya.

Sabitha Marican (2005) dalam Jasmi K.A (2012) pula menjelaskan bahawa kebolehpercayaan ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur atau kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Ukuran itu boleh diketahui sama ada memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama melalui kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian kualitatif ini melibatkan beberapa langkah, iaitu:

1. Ujian *Inter-rater reliability*. Pengkaji melantik seorang pemeriksa yang berpengalaman dalam kajian kualitatif untuk menyesuaikan tema kepada sampel data.
2. Triangulasi antara pelbagai lapangan (*multiple case* atau *multisite studies*) merupakan salah satu bentuk triangulasi data yang tinggi kebolehpercayaannya

(Merriam 1998) dalam Jasmi K.A (2012). Hal ini demikian kerana kajian pelbagai kes ialah kajian yang melibatkan pelbagai tempat lapangan kajian. Data yang dikumpul dan dianalisis datang daripada pelbagai tempat lapangan. Data seperti ini menurut Merriam dapat meningkatkan lagi kesahan luaran atau generalisasi dapatan kajian.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan dalam analisis temu bual di antara pengkaji 1 dan pengkaji 2. Keputusan menunjukkan terdapat empat persamaan daripada enam tema yang didapati oleh penulis. Tema **pengalaman** dan **ciri pendidik** telah dibincangkan. Walau bagaimanapun, kesesuaian tema yang ditentukan adalah berdasarkan kajian sorotan lepas dan tujuan kajian dijalankan. Oleh yang demikian, tujuh tema utama daripada responden telah dikenal pasti. (*lihat dapatan kajian*)

Jadual 1 Perbandingan Tema di Kalangan Pengkaji

<u>Pengkaji 1</u>	Tema	Pengekodan (Tafsiran)	Kenyataan temu bual
KOMPETENSI DAN KEMAHIRAN	Pengalaman dan pembacaan		<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang 10 tahun • 20 tahun terlibat mengajar di Sekolah Agama, Sekolah Menengah Agama, terlibat mengajar di UITM Bukit Sekilau selama 6 tahun. Terlibat yang sekarang ini di Kuipsas lah. • Maksud saya pengalaman tu mungkin melalui pergaulan dengan orang lain, melalui pembacaan... <ul style="list-style-type: none"> • pelajaran ni kalau kita melihat dari sudut pengajaran dan pembelajaran, memang dua sumber utama yang kita akan dapat. Satu benda yang secara formal iaitu menghadiri kursus, membaca kemudian seminar dan sebagainya satu benda yang kita paling berharga ialah pengalaman.
	Aplikasi ilmu dan teknik		<ul style="list-style-type: none"> • melalui... aa.. ilmu-ilmu ataupun teori-teori yang kita dah praktikkan. • dia harus juga memahami tentang <i>method-method</i> terkini yang terbaru yang sesuai dengan keadaan semasa. • nak mengajar ni lebih-lebih lagi nak menjadikan seseorang yang professional ni dia memerlukan kemahiran dan dapat menguasai teknik-teknik • bila saya mampu mengaplikasikan teknik – teknik pengajaran
	Menggalakkan pensyarah sambung pengajian		<ul style="list-style-type: none"> • kita masih terus menghantar pensyarah kita untuk menyambung pengajian PHD • memberi insentif kepada pelajar-pelajar yang

	sedang membuat master.
Menguasai bidang	<ul style="list-style-type: none"> • saya mampu mengajar subjek yang aa.. subjek yang betul- betul dalam bidang saya • pelajar saya dapat menerima apa yang saya ajar errr.... melalui cara pengajaran yang saya aplikasikan • bukan semata-mata dia boleh mengajar tapi dia mampu untuk memberi ataupun menjadikan aa.. pelajarnya berketrampilan.. berkepimpinan.. dan mempunyai <i>value added</i> • guru ataupun pensyarah yang profesional ni dia mampu untuk menguasai bidang dia
Menyediakan pelbagai bentuk kursus dan prasarana	<ul style="list-style-type: none"> • kita mengadakan kursus-kursus dalaman • Kita menjadikan prasarana-prasarana seperti buku-buku • kita menjemput orang luar untuk memberi <i>talk</i> kepada pensyarah
Menyertai program perkembangan kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> • kita mengalu-alukan pensyarah kita menghadiri membentangkan kertas kerja
Pemerhatian dan maklumat luar	<ul style="list-style-type: none"> • juga daripada pemerhatian ataupun daripada maklumat –maklumat luar juga la tapi dasarnya memang saya dapat daripada latihan la.
Peka dengan perubahan	<ul style="list-style-type: none"> • Dia juga harus berubah dengan perubahan yang berlaku di sekitar dia. Perubahan yang berlaku pada anak didik dia dan perubahan yang berlaku di sekitar aa.. apa ni.. pendidikan
Suka belajar	<ul style="list-style-type: none"> • sekiranya dia memahami konsep pendidikan itu yang disebut sebagai daripada buaian sehingga ke liang lahad.
Disiplin diri	<ul style="list-style-type: none"> • saya menilai pensyarah kepada kepatuhan mereka kepada peraturan
Mengikut hala tuju	<ul style="list-style-type: none"> • Kita ni seorang yang profesional sebab kita mengikut aaa... apa nii.. harapan ataupun halatuju yang disarankan

**NILAI KENDIRI
DAN
PERSONALITI**

Pendekatan dengan pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • saya menilai bagaimana budi pekerti ataupun pendekatan yang digunakan oleh aa.. tenaga pengajar 	
Berkeampilan dan menjadi teladan	<ul style="list-style-type: none"> • seorang pensyarah yang baik dia bukan semata-mata hebat dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi dia juga hebat dalam sebagai <i>Role Model</i>. 	
KURSUS DAN LATIHAN	Kursus yang diperlukan	<ul style="list-style-type: none"> • Lagipun saya pun macam , macam yang saya cakap tadi er..hahaha, err bila tidak ada latihan yang khusus kepada bidang bahasa arab ni kita jadi macam tertutup nak guna teknologi ni. • pentingnya untuk kita menghadiri kursus dan latihan pengajaran untuk menggunakan teknologi ni • kalau boleh saya nak biarlah dia betul-betul khusus untuk bidang saya, bidang jabatan...bidang bahasa Arab maksudnya cara pentaksiran, cara buat soalan Bahasa arab macam mana, pentaksiran untuk soalan bahasa Arab macam mana
	Bentuk dan pengisian kursus	<ul style="list-style-type: none"> • KIP ketika itu telah mengadakan kursus Pedagogi • saya belajar daripada maknanya daripada bengkel, daripada seminar • malah saya telah dihantar ketika itu oleh di Bahagian Pengurusan untuk menghadiri bengkel-bengkel yang diadakan di luar • malah ketika itu juga kita mula memperkenalkan ANDRAGOGI • di samping itu dengan hubungan ataupun dengan apa yang kita dapat daripada rakan-rakan sinergi seperti universiti-universiti • mengajar sambil belajar • Dan ketika di sekolah tuu.. sentiasa dalam pantauan
Kepentingan kursus	<ul style="list-style-type: none"> • dia mungkin menggunakan kaedah yang tak betul dalam pengajaran. • kita memerlukan satu <i>method</i> yang tepat dan satu <i>improve</i> yang maknanya bijak untuk kita memastikan segala apa yang disampaikan ataupun nak dikata proses PNP tadi dapat dilaksanakan dengan berkesan. • Sebab tu apabila kita mengemukakan permohonan 	

aa.. untuk menjadi Kolej Universiti maka peningkatan profesionalisme ni adalah salah satu kriteria yang harus di kira.

- Kita mengekalkan 5 hari atau 3 hari
 - salah satu syarat untuk seseorang pensyarah itu diberikan kenaikan pangkat
 - Kipsas masih lagi menganggap menghadiri kursus ini adalah sebagai salah satu daripada kewajipan yang mesti di lakukan oleh setiap pensyarah.
 - kadang-kadang orang tu ada PhD tapi mungkin juga dia tidak mempunyai kepakaran dalam mengajar
 - *Method* yang digunakan memang kita ambil memang kita dapati daripada kursus yang kita hadiri
 - kursus tu sangat-sangat penting sebab.... selama ni kita menuju ke aa.. alaf ataupun zaman yang aa.. lebih canggih jadi..aa.. kita kena sentiasalah di.. aa.. *diupdate* ataupun diberikan latihan dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman.
 - salah satu daripada keperluan, syarat untuk kita aaa.... sebagai KPI kita dalam tahun tersebut lah. Dengan hadir lagi banyak lagi bagus la.. uurm..
 - Errr.. Kalau ikutkan.. 7 kali
 - jadi kita perlukan kursus-kursus yang menggunakan IT ni la haa
 - menambahkan lagi kemahiran ataupun untuk menambahkan lagi teknik pengajaran
 - kalau bagi mereka yang tak ada latihan memang susah la untuk mengendalikan situasi tersebut.
- Aahhaaa

TEKNOLOGI

Teknologi dan aplikasinya dalam pengajaran.

-
- penggunaan tu hanya sekadar, hanya setakat usaha individu lah
 - saya pun menggunakan medan fb (facebook), whatsapp.ermm...youtube
 - handset, laptop dan ada sebahagian la laptop dan yang terkini tablet
 - digunakan di dalam kelas dan untuk kemudahan guru
 - memang kita perlu kepada instrumen untuk kita mengasah kemahiran mendengar dia, kemahiran.. erm apa dia.. kemahiran bercakap.
 - Contohnya saya nak cakap macam bahasa, bahasa
-

ISU

	<p>ni saya rasa... ermm makmal bahasa tu penting..samada kita nak guna secara khusus dalam pengajaran kita ataupun kita nak jadikan sebagai tempat untuk ermm,, tempat penggunaan sendiri untuk budak –budak.</p>
Penyediaan kemudahan oleh pihak majikan	<ul style="list-style-type: none"> • Tapi dari segi penyediaan peralatan dari majikan tu takda • Malah kementerian sendiri telah membekalkan gajet-gajet tersebut kepada setiap guru
Kekangan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Tapi mengikut kepada kemampuan yang ada pada sesebuah yang ada pada Kuipsas • Sebabnya mungkin dari sudut kewangan kot..jadi kekangan kewangan tu saya rasa sebab utamalah ataupun halangan utama untuk saya mempertingkatkan lagi err saya punya apa profesionalisme .
Kekangan individu dan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • isu-isu lain ialah antaranya ialah diri pensyarah tu sendiri sebenarnya • kadang-kadang para pensyarah ni dia duduk dalam zon selesa • kadang-kadang ada masalah kekangan anak lah • kadang-kadang kata bermalam ni tak boleh la • pensyarah pun ada tanggungjawab dia, keluarga dan sebagainya
Pihak penganjur kursus	<ul style="list-style-type: none"> • dia nak bilangan pelatih ataupun peserta dalam lebih kurang 50 orang sedangkan yang saya mahu kalau boleh saya nak fokus pada maksudnya fokus pada jabatan saya di kuipsas sahaja
Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • pelajar-pelajar ni dia.. kebanyakannya memang tak minat Bahasa Arab ni sebab dia anggap macam susah • dari segi perkembangan semasa maksudnya errr.. jurang antara saya dengan saya punya anak murid saya tu mungkin waktu zaman saya dulu teknologinya berbeza zamannya berbeza akhlak pelajaranya berbeza cara...dari persepsinya berbeza.
Bebanan tugas	<ul style="list-style-type: none"> • kita melihat bebanan pensyarah dari sudut kerja, mengajar dan sebagainya • Tapi pensyarah di Kuipsas ni semua benda • cabaran dia.. bagi saya lah ataupun mungkin guru-guru lain kerja-kerja sampingan tu la • bila kita ada kursus dia kata ada program lain la

INISIATIF

Kekangan majikan	<ul style="list-style-type: none">• Kita adalah anak syarikat penuh milik Kerajaan Negeri Pahang. Jadi sudah tentulah kita terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berada di luar sana
Kursus tidak berkaitan dengan bidang	<ul style="list-style-type: none">• tidak berkait sangatlah dengan bidang pendidikan• Cabarannya mendapatkan penceramah yang pakar dalam bidang dan kursus yang khusus dengan bidang? ”ye tulah”.• Selama saya bekerja di KIPSAS ni masih belum ada latihan yang diberi yang menjurus kepada bidang pengajaran Bahasa Arab
Inisiatif sendiri	<ul style="list-style-type: none">• pensyarah ni dia harus juga kreatif, dia tengok mana-mana tempat yang dia boleh aa.. join program tu, dia akan join• walaupun kita Kipsas hanya membayar duit yuran... dia terpaksa hotel bayar sendiri.. pergi kenderaan bayar sendiri dan sebagainya.. tapi mereka tetap pergi• ada di kalangan pensyarah ni mencadangkan saya supaya mengadakan program.. mengadakan kursus• Maknanya pensyarah boleh menyalurkan... kita ada saluran-saluran.. melalui mesyuarat-mesyuarat jabatan, mesyuarat-mesyuarat fakulti• inisiatifnya kita kena cari sendiri lah sama ada kita mencari melalui internet ataupun kita menghadiri bengkel dan latihan itu adalah lebih baik.
Kerjasama dan persefahaman	<ul style="list-style-type: none">• kita harus melihat keupayaan institusi kita bekerja• tenaga akademik ni kita kena bersatu• kita amat memerlukan sokongan daripada tenaga akademik• tenaga akademik ni kena memberi sokongan yang padu kepada pengurusan• harus membantu unit promosi• tapi saya rasa kalau ada sokongan dari pihak atasan, pihak atasan boleh memahami

Mengukuhkan ekonomi kolej dan berjimat	<ul style="list-style-type: none"> • maknanya kalau kata kena tempat yang dekat, yang jauh kalau sepatutnya pensyarah ni dia boleh aa.. menginap hotel yang <i>rate</i> dia tinggi maka kita turunkan separuh sikit. Kalau kata kan dia perlu pergi bermalam, mungkin tak perlu pergi bermalam • walaupun mungkin kita tak ada duit nak hantar belajar.. kita panggil orang luar dating • harus membantu unit promosi ni seperti contohnya menelefon, ap ni.. menghantar surat, mencari pelajar dan sebagainya.
--	--

Pengkaji 2

Tema	Pengekodan (Tafsiran)	Kenyataan temu bual
PENGALAMAN	Tempoh mengajar yang lama	<ul style="list-style-type: none"> • 20 tahun terlibat mengajar di Sekolah Agama, Sekolah Menengah Agama, terlibat mengajar di UITM Bukit Sekilau selama 6 tahun. Terlibat yang sekarang ini di Kuipsas lah. • Lebih kurang dalam 10 tahun • 10 tahun
	Kompetensi	<ul style="list-style-type: none"> • dia memahami konsep pendidikan itu yang disebut sebagai daripada buaian sehingga ke liang lahad. • kita perlu melihat kepada pandangan-pandangan yang lain selain dari apa yang kita pelajari di dalam buku
CIRI PENDIDIK	Personaliti yang unggul	<ul style="list-style-type: none"> • kadang-kadang kita kena bertolak ansur dengan kehendak masyarakat, dengan kehendak pelajar • kalau kita mampu melihatnya dengan pemikiran yang terbuka maka kita akan bertolak ansur.
	Menonjolkan teladan yang baik kepada pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • seorang pensyarah yang baik dia bukan semata-mata hebat dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi dia juga hebat dalam sebagai <i>Role Model</i>.
KEPIMPINAN	Menguasai bidang	<ul style="list-style-type: none"> • pensyarah-pensyarah yang baik sebenarnya pensyarah yang bukan semata-mata dia boleh mengajar tapi dia mampu untuk memberi ataupun menjadikan aa.. pelajarinya berketerampilan.. berkeimpinan.. dan mempunyai <i>value added</i>

	Berdisiplin	<ul style="list-style-type: none"> • saya menilai pensyarah kepada kepatuhan mereka kepada peraturan sama ada peraturan yang telah ditetapkan oleh institusi ataupun peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan kita.
KERJASAMA	Kerjasama yang diberikan oleh majikan	<ul style="list-style-type: none"> • kita menjemput orang luar untuk memberi <i>talk</i> kepada pensyarah kita. • kita mengalu-alukan pensyarah kita menghadiri membentangkan kertas kerja • kita mengadakan kursus-kursus dalaman • Kita menjadikan prasarana-prasarana seperti buku-buku
	Kerjasama yang diperlukan daripada kakitangan akademik	<ul style="list-style-type: none"> • tenaga akademik ni kena memberi sokongan yang padu kepada pengurusan • Kena turut membantu menangani masalah harus membantu unit promosi ni
KEKANGAN	Kekangan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Tapi mengikut kepada kemampuan yang ada pada Kuipsas ni • saya nampak dari segi pergi latihan untuk menghantar aa... pergi latihan dengan kursus tu dia menjadi terhad • kekangan kewangan tu saya rasa sebab utama lah ataupun halangan utama
	Kekangan berbentuk peribadi	<ul style="list-style-type: none"> • isu-isu lain ialah antaranya ialah diri pensyarah tu sendiri sebenarnya • kadang-kadang para pensyarah ni dia duduk dalam zon selesa • kadang-kadang ada masalah kekangan anak lah • kadang-kadang kata bermalam ni tak boleh la • pensyarah pon ada tanggungjawab dia, keluarga dan sebagainya


	Bebanan tugas	<ul style="list-style-type: none"> • bila kita ada kursus dia kata ada program lain la • kita melihat bebanan pensyarah dari sudut kerja, mengajar dan sebagainya
	Kekangan pelajar	<p>jurang masa antara kami tu agak jauh atau pun sebabnya peringkat dia orang tu dah macam peringkat anak-anak kan</p>
INISIATIF	Inisiatif sendiri	<ul style="list-style-type: none"> • pensyarah ni dia harus juga kreatif, dia tengok mana-mana tempat yang dia boleh aa.. join program tu, dia akan join • inisiatifnya kita kena cari sendiri lah samada kita mencari melalui internet ataupun kita menghadiri bengkel dan latihan itu adalah lebih baik
	inisiatif majikan	<ul style="list-style-type: none"> • walaupun mungkin kita tak ada duit nak hantar pelajar.. kita panggil orang luar datang bagi talk
TEKNOLOGI	Aplikasi teknologi dalam PnP	<ul style="list-style-type: none"> • teknologi setakat ni...penggunaan tu hanya sekadar, hanya setakat usaha individu lah • saya pun menggunakan medan fb (facebook), whatsapp.ermm...youtube • disarankan oleh Kementerian Pendidikan supaya menggunakan gajet-gajet atau IT ni la • handset, laptop dan ada sebahagian la laptop dan yang terkini tablet • Tapi dari segi penyediaan peralatan dari majikan tu takda • makmal bahasa tu penting..sama ada kita nak guna secara khusus dalam pengajaran kita ataupun kita nak jadikan sebagai tempat untuk ermm,, tempat penggunaan sendiri untuk budak –budak
KURSUS	Tempoh kursus	<ul style="list-style-type: none"> • dulu kerajaan menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang staf itu dia mesti ada 5 hari dia berkursus • Kita mengekalkan 5 hari atau 3 hari

Keperluan Kursus

- Saya rasa kurang mencukupi
 - Selama saya bekerja di KIPSAS ni masih belum ada latihan yang diberi yang menjurus kepada bidang pengajaran Bahasa Arab
 - kalau boleh saya nak biarlah dia betul-betul khusus untuk bidang saya, bidang jabatan...bidang bahasa Arab maksudnya cara pentaksiran, cara buat soalan Bahasa Arab macam mana, pentaksiran untuk soalan bahasa Arab macam mana er..., err untuk kita selaraskan untuk samakan ahh..ape die... Taksonomi Bloom macam mana maksudnya menjurus terus kepada subjek bahasa arab
 - tapi saya rasa kalau dalam bidang pengajaran ni kita lebih memerlukan kepada bengkel
 - Sebab pengajaran ni dia sesuatu yang praktikal dan kita juga perlu tahu lah ABM atau Alat Bantuan Mengajar yang terkini
-

Pemetaan Kognitif

Menurut Siti Uzairiah (2016) pemetaan kognitif akan membantu para pengkaji untuk melihat kaitan secara logik atau hubungan di antara tema utama dan sub tema sebagai kerangka konsep yang didapati daripada analisis keseluruhan. Peta kognitif digunakan sebagai kaedah untuk menunjukkan hasil kajian. Pengkaji merumuskan hubungan yang wujud di antara tema seperti berikut (**Lihat Rajah 2**).



Rajah 2 Hubungan Antara Tema (Peta)

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual semi struktur yang telah dijalankan, penulis dapat mengenal pasti enam persepsi utama daripada ketiga-tiga responden berkaitan dengan perkembangan profesionalisme; *kompetensi dan kemahiran, nilai sendiri dan personaliti, kursus dan latihan, teknologi, isu dan inisiatif*. Dapatan menunjukkan responden mempunyai persepsi yang positif terhadap perkembangan profesionalisme. Walau bagaimana pun, beberapa penambahbaikan perlu diambil agar dapat meningkatkan tahap profesionalisme. Hal ini penting untuk memastikan kualiti pendidikan sentiasa terjamin.

Kompetensi dan kemahiran

Kompetensi merupakan syarat malah boleh dikatakan kriteria bagi guru yang profesional untuk melaksanakan tugas pendidikan dan pengajaran. Usman (2006) menyatakan Guru yang profesional adalah orang yang terdidik dan terlatih dengan baik, serta memiliki pengalaman yang kaya di dalam bidangnya. Perkara ini dibuktikan dalam kajian penulis di mana responden yang terlibat berpengalaman dalam profesion perguruan selama 10 dan 20 tahun. Mereka menyatakan bahawa pengalaman merupakan antara elemen penting dalam meningkatkan profesionalisme. “*Satu benda yang secara formal iaitu menghadiri kursus, membaca kemudian seminar dan sebagainya satu benda yang kita paling berharga ialah pengalaman*”.

Seorang guru yang cemerlang juga haruslah memiliki elemen kompetensi fungsional yang merangkumi penguasaan isi kandungan subjek yang diajar, berpengetahuan luas dalam pedagogi, berupaya memilih sumber pengajaran dan berupaya mempelbagaikan strategi pengajaran mengikut tahap kecerdasan pelajar (Modul PBPPP KPM, 2014) dalam Norhana (2016). Perkara ini disedari oleh seorang responden yang mengatakan “*nak mengajar ni lebih-lebih lagi nak menjadikan seseorang yang professional ni dia memerlukan kemahiran dan dapat menguasai teknik-teknik*”. Pengajaran yang efektif berkait rapat dengan cara, gaya, kemahiran, komitmen, dan pendekatan pengajaran guru itu sendiri. Kunandar mengemukakan bahawa suatu pekerjaan profesional memerlukan kriteria yang khusus, iaitu keterampilan berdasarkan konsep dan teori ilmu pengetahuan yang mendalam, keahlian dalam bidang tertentu sesuai dengan bidang profesionnya. “*bagi saya la..ermm,,guru ataupun pensyarah yang profesional ni dia mampu untuk menguasai bidang dia*”. Terbukti kompetensi ialah di antara komponen yang penting dalam profesionalisme seorang guru. Oleh itu tahap kompetensi guru perlu ditingkatkan melalui latihan, peningkatan tahap akademik atau perkembangan profesionalisme secara berterusan.

Nilai sendiri dan personaliti

Kualiti seseorang guru adalah berdasarkan personalitinya. Personaliti adalah berkait rapat dengan pemikiran, emosi dan perasaan dengan perlakuan manusia (Mohd Isa & Mahyuddin, 1997) dalam Nor Haiza (2015). Glen Langford dalam Martinis Yamin (2007) menjelaskan kriteria

profesional, antaranya: memiliki pengetahuan dan keterampilan, memiliki rasa tanggung jawab dan tujuan dan mengutamakan layanan. Ciri-ciri profesionalisme yang terkandung dalam (Modul PBPPP KPM, 2014) dalam Norhana (2016) juga antara lainnya ialah mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan, membina hubungan interpersonal yang baik, memiliki sikap dan personaliti yang positif seperti penyabar, bermotivasi tinggi, berkeyakinan, fleksibel dan memiliki unsur kecintaan dalam pergaulan dengan pelajar. Hal ini diakui oleh responden yang berkata “*seorang pensyarah yang baik dia bukan semata-mata hebat dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi dia juga hebat dalam sebagai Role Model*”.

Perkembangan Profesionalisme

Semua responden mengakui bahawa kursus dan latihan yang mereka sertai banyak menyumbang kepada perkembangan profesionalisme mereka. Latihan yang diikuti memberi pendedahan kepada teknik pengajaran yang betul selain menjadi pra syarat kenaikan pangkat dan sebagainya. Kata salah seorang responden “*Method yang digunakan memang kita ambil memang kita dapati daripada kursus yang kita hadiri*. Di antara kepentingan perkembangan profesional di sekolah sebagaimana yang disarankan oleh Anna Cratt (1996) dalam Hasnida (2010) ialah ia dapat membaiki kemahiran prestasi kerja guru, membaiki keterampilan, menambah pengalaman untuk perkembangan kerjaya atau untuk naik pangkat, membina pengetahuan profesional dan pemahaman seorang guru, meningkatkan peribadinya, menghargai sumbangan guru, memberi kepuasan dari segi ikhtisas, membolehkan guru menjangka dan bersedia untuk berubah dan memperjelaskan polisi sekolah dan jabatan guru. Perkara ini disokong oleh seorang responden apabila menyatakan tentang kepentingan mengikuti kursus dengan berkata “*untuk menambahkan lagi kemahiran ataupun untuk menambahkan lagi teknik pengajaran*”. Sebahagian responden juga menyatakan beberapa bentuk dan pengisian kursus yang mereka perlukan iaitu kursus berkaitan dengan teknologi dan bahasa Arab. “*Pentingnya untuk kita menghadiri kursus dan latihan pengajaran untuk menggunakan teknologi ni*” dan “*kalau boleh saya nak biarlah dia betul-betul khusus untuk bidang saya*”.

Teknologi

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan kini, para guru harus berubah dan bergerak seiring dengan peredaran zaman. Bidang pendidikan juga berubah mengikut keperluan dan tuntutan semasa. Guru yang profesional selalu berupaya meningkatkan pengetahuan, kemampuan dan wawasan dalam pelaksanaan pembelajaran di kelas guna mengatasi permasalahan-permasalahan yang dihadapi selama menjalankan tugas dalam proses pembelajaran. Menurut Imam Abdul Syukur (2014) inovasi dalam proses belajar dilakukan dengan berbagai cara. Salah satunya dalam pembelajaran dengan memanfaatkan ICT. Guru perlu memahirkan diri dengan pengetahuan ICT agar berupaya mendapatkan maklumat terkini untuk mengajar pelajar dan memudahkan proses pengajaran. (Modul PBPPP KPM, 2014) juga turut menuntut guru-guru agar memiliki kemahiran teknologi ICT. Semua responden sememangnya sedar akan kepentingan teknologi. Justeru mereka mengaplikasikan teknologi di dalam proses

pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru sekolah rendah memberitahu “*kementerian membekalkan handset, laptop dan yang terkini tablet untuk digunakan di dalam kelas dan untuk kemudahan guru*”. Mereka juga menyatakan keperluan untuk mengikuti kursus berkenaan dengan penggunaan teknologi ini. Seorang responden menyatakan keperluan penyediaan prasarana dan kemudahan teknologi untuk manfaat PnP dengan berkata “*makmal bahasa tu penting.. sama ada kita nak guna secara khusus dalam pengajaran kita ataupun kita nak jadikan sebagai tempat untuk ermm,, tempat penggunaan sendiri untuk budak –budak*”.

Isu

Responden mengakui mereka menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam proses memajukan profesionalisme mereka. Pelbagai masalah dan kekangan yang mereka tempuhi antaranya kekangan sendiri, keluarga, pelajar, majikan, kewangan, pihak penganjur kursus dan bebanan tugas. Salah seorang responden yang juga ketua dalam masa yang sama memahami kekangan pegawainya dengan berkata “*pensyarah pun ada tanggungjawab dia, keluarga dan sebagainya*”. Banyak kajian yang telah dijalankan tentang cabaran guru mendapati guru-guru menyatakan kerumitan yang mereka alami ialah beban tugas yang berat, kekurangan peralatan, kekurangan persiapan mengajar kerana kursus yang diikuti tidak mencukupi, saiz kelas yang besar dan kerja-kerja perkeranian yang dibuat. Kerja-kerja perkeranian ini akan mendatangkan keletihan kepada guru dan boleh mengurangkan masa mengajar guru di dalam kelas serta membuatkan fikiran guru tidak tenteram kerana masanya sentiasa terganggu. Mengikut Sufean Husin (2008) dalam Hasnida (2010) cabaran yang dihadapi oleh guru dalam profesion keguruan dikategorikan kepada cabaran daripada pihak sekolah, cabaran daripada murid, cabaran untuk memenuhi harapan dan jangkaan ibu bapa, cabaran untuk memenuhi harapan dan jangkaan negara, cabaran untuk memenuhi tuntutan perubahan masa dan cabaran dalam diri guru itu sendiri terhadap profesion keguruan. Dapatan-dapatan kajian lalu selari dengan persepsi responden.

Inisiatif

Meskipun guru-guru menghadapi pelbagai kekangan dalam meningkatkan profesionalisme, mereka tetap mencari alternatif untuk terus membangunkan potensi diri. Responden mengambil inisiatif sendiri, mendapat sokongan daripada pihak majikan, dan menjalankan langkah berjimat cermat bagi membolehkan mereka mengikuti perkembangan profesionalisme. Antara langkah-langkah yang diambil menurut responden “*inisiatifnya kita kena cari sendiri lah sama ada kita mencari melalui internet ataupun kita menghadiri bengkel dan latihan itu adalah lebih baik*”. Hasnida (2010) mencadangkan di antara strategi khusus yang membolehkan perkembangan profesionalisme seorang guru termasuklah aktiviti pemantauan, melibatkan diri dalam latihan dalam perkhidmatan, kursus dan seminar, amalan refleksi, amalan penyelidikan tindakan, latihan profesional berterusan, perkembangan profesional online dan penglibatan dalam aktiviti Pusat Kegiatan Guru.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya guru-guru memandang perkembangan profesionalisme dari perspektif yang positif. Mereka berpendapat bahawa seorang guru mesti memiliki kompetensi dan kemahiran untuk menjadi seorang yang professional dalam bidang yang diceburi. Sebagai pendidik juga, guru perlu menonjolkan nilai sendiri dan personaliti yang dinamik. Mereka juga menekankan kepentingan kursus dan latihan serta penggunaan teknologi dalam amalan pengajaran mereka. Walaupun menghadapi kekangan-kekangan tertentu, mereka mempunyai inisiatif untuk menyelesaikannya. Hasnida (2010) menyatakan oleh kerana guru dilihat dari perspektif Islam untuk membangunkan hakikat diri guru itu sendiri iaitu rohnya, maka perkembangan profesionalisme akan melahirkan guru-guru yang seimbang dari sudut pembangunan akal, roh dan nafsunya.

RUJUKAN

- Fadlun Maros, Julian Elitear, Ardi Tambunan & Ernawati Koto. (2016). Penelitian Lapangan (Field Research). Kertas Kerja Magister Ilmu Komunikasi Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik Universitas Sumatera Utara. Dipetik pada 19 Julai 2017 di http://www.academia.edu/24308046/PENELITIAN_LAPANGAN_FIELD_RESEARCH_PADA_METODE_KUALITATIF.
- Imam Abdul Syukur. (2014). *Profesionalisme Guru Dalam Mengimplementasikan Teknologi Informasi Dan Komunikasi Di Kabupaten Nganjuk*. Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan. Vol, 20, 2.
- Jasmi, K. A. (2012). *Tesis Pra Lapangan Kajian Dalam Penyelidikan Kualitatif* Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Ketut Rindjin. (2007). Peningkatan Profesionalisme Guru. Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran UNDIKSHA. Edisi Khusus. Dipetik pada 23 Julai 2017 di <http://ihdn.academia.edu/JurnalPenjaminanMutu>
- Kunandar. (2007). *Guru Profesional Implementasi Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) dan Persiapan Menghadapi Sertifikasi Guru*. PT Raja Grafindo Persada: Jakarta: Edisi 1.
- Martinis Yamin. (2007). *Profesionalisasi Guru dan Implementasi KTSP*. Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers). Gaung Persada Press: Jakarta. Vol. 5, 35-57.
- Mohd Sharif Mustapha & Roslee Ahmad. (2005). *Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes Di Kalangan Pelajar Terhadap Bimbingan Dan Kaunseling*. dalam: 3rd

- International Qualitative Research Convention. 21 – 23 Ogos 2005. Sofitel Palm Resort Johor Bahru. Dipetik pada 19 Julai 2017 di <http://eprints.utm.my/2212/>
- Muhammad Faizal A. Ghani & Abd Khalil Adnan. (2015). Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan Di Sekolah Berprestasi Tinggi Dan Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil.2. isu 2. Dipetik pada 11 Julai 2017 di <http://e-jurnal.um.edu.my/publish/JuPiDi>
- M. Uzer Usman. (2006). *Menjadi Guru Profesional*, Bandung: PT. Remaja Rosda Karya.
- Norashid Bin Othman & Hamzah Bin Md.Omar. (2014). *Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau*. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*. Vol. 5, 35-57.
- Norhaiza Tahir. (2015). *Hubungan Personaliti Guru Terhadap Kemahiran Proses Sains Pelajar*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali & Effandi Zakaria. (2010). Perkembangan Profesional Ke Arah Pembangunan Modal Insan Guru. Seminar Antarabangsa Islam KUIS. 2010. Dipetik pada 12 Julai 2017 di http://www.academia.edu/1470541/PERKEMBANGAN_PROFESIONAL_KE_ARAH_PEMBANGUNAN_MODAL_INSAN_GURU
- Norhana Mohamad Saad, Juliana Baharuddin & Siti Noor Ismail. (2016). *Hubungan Antara Tahap Kompetensi Fungsional Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan*. Proceeding of ICECRS. International Seminar on Generating Knowledge Through Research.
- Sanusi.1991. *Studi Pengembangan Modul Pendidikan Profesional Tenaga Pendidik*. Bandung. IKIP Bandung.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2016). *Qualitative Research, Interview Analysis & NVIVO 11 Exploration*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.